

RIWAYAT HIDUP DULI YANG MAHA MULIA YANG
DI-PERTUAN BESAR, NEGERI SEMBILAN.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman telah di-puterakan di-Klang, Selangor pada 19hb. Julai, 1922. Baginda telah mula bersekolah di-Sekolah Melayu Sri Menanti, Kuala Pilah dari tahun 1928 hingga tahun 1933. Kemudian-nya, Baginda telah melanjutkan pelajaran dalam bahasa Inggeris di-Maktab Melayu, Kuala Kangsar, Perak dari tahun 1933 hingga tahun 1941. Sa-telah tamat persekolahan di-Maktab Melayu itu, Baginda telah meneruskan pelajaran-nya di-Raffles Kolej, Singapura, tetapi pelajaran Baginda telah terganggu akibat peperangan dunia yang kedua.

Dalam masa pemerentahan Jepun, Baginda telah berkhidmat sebagai sa-orang pegawai di-Pejabat Tanah, Seremban. Sa-lepas perang, Baginda telah bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah, Rembau, Negeri Sembilan dari tahun 1946 hingga tahun 1947. Sa-tahun kemudian-nya Baginda telah bertukar ka- Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Selangor. Setelah berkhidmat selama beberapa bulan sahaja di-Pejabat tersebut, Baginda telah melanjutkan pelajaran-nya ka-Nottingham Universiti. Sa-telah lulus dalam ilmu Undang2 dengan mendapat ijazah LLB, dan sa-lepas mengikut beberapa kursus di-saberaang laut, Baginda telah memegang beberapa jawatan Kerajaan yang penting dalam Negeri dan di-luar Negeri. Sebelum berkhidmat di-luar Negeri, Baginda pernah juga memegang Jawatan Penolong Pegawai Daerah, Parit, Perak; Penolong Setia Usaha Kerajaan Yang Ke-tiga di-Ipoh, Perak dan Pegawai Daerah, Tampin.

Di-antara jawatan2 di-luar Negeri yang di-pegang oleh Baginda termasuk-lah menjadi Kuasa Usaha Tanah Melayu di-Washington, Amerika Sharikat; Setia Usaha Pertama Surohanjaya Tetap Persekutuan Tanah Melayu ka-Bangsa2 Bersatu; Setia Usaha Pertama di-Pesurohanjaya Tinggi, London; Timbalan Pesurohanjaya Tinggi di-London; Duta Malaysia di-Republik Arab Bersatu, Cairo dan sebagai Pesurohanjaya Malaysia ka-Nigeria dan Ghana. Pada 18hb. April, 1967 Baginda telah di-pilih menjadi Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan.

Baginda ada-lah sa-orang Raja yang sangat mendorong dalam lapangan sokan. Baginda pernah menjadi Johan Tennis, Badminton dan Squash Racket semasa Baginda menuntut di-Maktab Melayu, Kuala Kangsar, Perak dan di-Nottingham Universiti. Baginda juga telah mewakili Negeri Perak dalam permainan Tennis dan Cricket dan pernah menjadi Naib Yang di-Pertua Persatuan Bola Sepak Melayu, Malaya; Yang di-Pertua Persatuan Bola Sepak, Cricket dan Hockey Melayu, Perak dan Yang di-Pertua Pelajaran Orang Dewasa, Perak.

Baginda telah berkahwin dengan Tunku Najihah binti Tunku Besar Burhanuddin dalam bulan Ogos, 1943 dan mendapat sa-ramai tiga orang putra dan tiga orang putri.

Jabatan Penerangan Malaysia,
Negeri Sembilan,
Seremban.



RIWAYAT HIDUP DULI YANG MAHA MULIA TUNKU AMPUAN
NEGERI SEMBILAN.

Duli Yang Maha Mulia Tunku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin telah diputerakan di Sri Menanti, Negeri Sembilan pada lhb September, 1924. Baginda telah mulai bersekolah di Sekolah Melayu Sri Menanti, Kuala Pilah dari tahun 1929 hingga tahun 1934. Kemudiannya, Baginda telah melanjutkan pelajarannya di Sekolah Inggeris Tuanku Muhamad, Kuala Pilah dari tahun 1934 hingga tahun 1940. Semasa didalam sekolah Baginda pernah mengambil bahagian cergas didalam bidang soka dan berbahath. Pelajaran Baginda terganggu kerana Peperangan Dunia Yang Kedua. Sungguh pun begitu Baginda telah melanjutkan pelajarannya dengan bersendirian. Dalam pada itu Baginda telah sempat juga mengambil peluang mempelajari bermain piano.

Tetekala berada di Rembau pada tahun 1946 hingga tahun 1947 Baginda telah menjadi saorang Ahli Kaum Ibu Cawangan Rembau. Semasa di Kinta, Perak Baginda telah dilantik menjadi Bendahari Per-kumpulan Perempuan selama setahun. Dari tahun 1955 hingga tahun 1956 iaitu semasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkhidmat menjadi Pegawai Daerah, Tampin Baginda telah masuk menjadi ahli UMNO dan menjadi Pengerusi Pertubuhan Per-kumpulan Perempuan. Sebagai pengerusi Baginda telah mengambil bahagian cergas untuk mengajar ahli-ahli Per-kumpulannya cara masak memasak dan sebagainya.

Baginda telah berangkat pergi keluar negeri pada tahun 1950 bersama-sama Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar semasa Baginda melanjutkan pelajarannya. Semasa di England Baginda telah belajar di Sekolah malam, dan mengambil kursus Urusan Rumah Tangga dan Jahit Menjahit. Baginda telah sempat juga belajar bahasa Franchis di Sekolah Oriental, London. Pada tahun 1957 Baginda telah pergi ke Amerika. Di New York Baginda telah mewakili Pertubuhan Per-kumpulan Perempuan Malaya disana. Dari tahun 1958 hingga tahun 1963 semasa berada di London Baginda sekali lagi telah mewakili Pertubuhan Per-kumpulan Perempuan Malaya di England selama dua tahun. Pada tahun 1960 hingga tahun 1965 Baginda berada di Cairo. Sebagai Ahli Persatuan Wanita Christian Baginda telah membuka kedai-kedai lambak, dan pertunjukan Kebudayaan dimana penuntut-penuntut Melayu mengambil bahagian. Dari bulan Oktober tahun 1965 hingga tahun 1967 Baginda berada di Nigeria. Pada bulan April tahun 1967 Baginda telah berangkat balik ka Malaysia dan telah menjadi Tunku Ampuan pada tahun itu juga. Baginda sangat cenderung dalam usaha mengubah bunga dan berkebun bunga. Waktu lapang Baginda suka bermain Golf setakat perengkat permulaan. Baginda juga suka bermain Tennis dan Badminton.

Baginda telah berkahwin dengan Tuanku Ja'afar pada 8hb. Ogos tahun 1943 di Sri Menanti dan mendapat 3 orang putra dan 3 orang putri.

